

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah anggota dalam Perkhidmatan Awam Malaysia dan pecahan mengikut kaum sehingga suku kedua tahun 2021.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan status pengisian perjawatan di dalam HRMIS Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) setakat Oktober 2021, bilangan pegawai awam Persekutuan tidak termasuk anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah seramai 992,765 orang.

2. Daripada jumlah tersebut, seramai 754,040 orang (75.95%) adalah kaum Melayu, 73,265 orang (7.38%) keturunan Bumiputera Sabah, 68,542 orang (6.90%) kaum Cina, 47,116 orang (4.75%) keturunan Bumiputera Sarawak, 41,168 orang (4.15%) kaum India, dan 8,634 orang (0.87%) lain-lain kaum. Sekian, terima kasih.